

**MAHATHIR - GORBACHEV ADAKAN PERTEMUAN
EMPAT MATA SELAMA DUA JAM**

Malaysia sambut baik pendekatan baru Soviet

MOSCOW 31 Julai — Malaysia menyambut baik pendekatan baru Soviet Union di bawah pimpinan Gorbachev yang telah menampakkan kesungguhan dalam usaha mententeramkan ketegangan - ketegangan di kawasan - kawasan konflik.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mengadakan pertemuan empat mata dengan Gorbachev hari ini yakin kepimpinan baru di Moscow sekarang benar - benar serius dalam usaha mereka mencari perdamaian. Pertemuan tersebut berlangsung di Kremlin selama dua jam — lebih lama dari masa yang diberikan kepada Perdana Menteri Britain semasa beliau melawat ke sini dua bulan lalu.

Para pegawai Wisma Putra menyifatkan kesediaan Gorbachev meluangkan masa yang begitu lama untuk berunding dengan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai satu "isyarat" yang amat menggalakkan.

Kemesraan dan kesediaan pemimpin Soviet itu mendengar dengan teliti perkara - perkara yang dibangkitkan oleh

Dari Khalid Mohd.

Datuk Sri Dr. Mahathir menunjukkan bahawa kepimpinan Soviet sekarang memberi perhatian berat kepada rantau Asia - Pasifik, kata mereka.

Bercakap kepada para wartawan Malaysia sejurus selepas pertemuan empat mata itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau memberitahu Gorbachev bahawa Malaysia akan berpegang teguh kepada dasar berkecualinya dan tidak akan memberi pertimbangan yang lebih kepada mana - mana negara.

Beliau berharap Soviet Union memahami hasrat ini dan menghormati pendirian Malaysia.

Malaysia, kata Perdana Menteri, menghargai dasar Soviet Union terhadap Asia dan Pasifik dan berharap pendirian mereka terhadap rantau tersebut tidak dikaitkan dengan perlumbaan antara USSR dengan Amerika Syarikat. Sebaliknya, tegas beliau, dasar tersebut hendaklah dianggap sebagai satu usaha untuk menentukan wujudnya ketenteraman di wilayah Asia Tenggara dan Pasifik khususnya Pasifik Selatan.

LIHAT MUKA 6

MALAYSIA SAMBUT BAIK PENDEKATAN BARU SOVIET

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu Gorbachev menerangkan kepada beliau tentang konsep dan pandangan negaranya berhubung dengan masalah - masalah di Pasifik. Menurut Perdana Menteri, Gorbachev menegaskan pendirian Soviet Union bahawa masalah dalam negeri masing - masing hendaklah diselesaikan oleh negara itu sendiri manakala masalah antarabangsa pula diselesaikan secara politik. Dalam hubungan ini, Gorbachev juga menekankan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir bahawa mereka tidak setuju dengan penggunaan tentera untuk menyelesaikan masalah politik antarabangsa dan Malaysia mengalu - alukan sikap ini. "Kita juga meminta USSR memainkan peranannya dalam mencari penyelesaian kepada masalah politik di rantau kita berdasarkan penyelesaian politik dan bukan penggunaan senjata," ujar beliau.

Gorbachev juga memberitahu Datuk Sri Dr. Mahathir bahawa perubahan dari segi pendekatan terhadap masalah - masalah yang dihadapi hari ini perlu diubah dan beliau sendiri

(Gorbachev) tidak begitu tertarik dengan cara - cara yang dianggap konservatif. Perdana Menteri menambah, Gorbachev memberitahunya bahawa dia tidak suka dengan cara berpegang kepada cara - cara yang asal tanpa tindakan yang lebih praktikal bagi mengendalikn masalah hari ini.

Dalam hal ini, Malaysia dan Soviet Union sependapat bahawa untuk menyelesaikan masalah zaman ini, negara - negara mestilah sanggup menerima perubahan dan mencari pendekatan baru terhadap penyelesaian masalah dalam negeri mahupun masalah antarabangsa. Perdana Menteri berkata, Malaysia menghormati sikap baru Soviet ini kerana "kita juga tidak mahu terikat sangat kepada tradisi dan sedia berubah supaya kita boleh selesaikan masalah - masalah yang dihadapi." Ditanya apakah pandangan beliau terhadap Gorbachev, Perdana Menteri menyifatkan pemimpin Soviet itu sebagai seorang yang mudah berbincang dan mesra.

Menurutnya, tidak berlaku sebarang ketegangan sepanjang perbincangan

tersebut dan Gorbachev juga adalah seorang yang sentiasa sedia mendengar perkara - perkara yang dibangkit dengan penuh teliti.

Ditanya pula apakah pandangan Gorbachev terhadap Malaysia dan para pemimpinnya, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, pemimpin Soviet itu memberitahu bahawa beliau pandang berat pendirian Malaysia, lebih - lebih lagi sikap berkecuali dan peranan kita di peringkat antarabangsa terutama sekali dalam pergerakan berkecuali. Tentang kedudukan hubungan kedua buah negara, Perdana Menteri berkata kedua belah pihak setuju hubungan yang sudah genap 20 tahun itu masih boleh dipertingkatkan lagi dari segi ekonomi dan politik.

Sebelum berunding dengan Gorbachev, Perdana Menteri telahpun mengadakan rundingan pusingan awal dengan Pemangku Perdana Menteri, V.S. Murakhovsky yang turut dihadiri oleh Menteri Luar Eduard Shevardnaoze serta pegawai - pegawai tinggi Soviet yang lain. Para pegawai yang menyifatkan rundingan pusingan awal itu sebagai

berjaya berkata, ia telah dapat membuka jalan kepada rundingan yang bermakna antara Datuk Sri Dr. Mahathir dengan Gorbachev hari ini. Dalam rundingan tersebut, Perdana Menteri menegaskan bahawa hubungan perdagangan merupakan aspek perhubungan yang paling utama dalam hubungan Malaysia - Soviet Union. Bagaimanapun, hubungan dagangan lebih menguntungkan Malaysia dan pihak Soviet telah meminta supaya jurang imbalan yang begitu besar itu dikecilkan. Dalam hubungan ini, Malaysia meminta pihak Soviet supaya jangan mengurangkan jumlah pembelian mereka sebagai langkah mengurangkan jurang tersebut kerana Malaysia akan menimbangkan untuk membeli keluaran - keluaran tertentu Soviet seperti jentera pertanian, kertas cetak akhbar, kapal, tepung susu dan getah tiruan. Di samping itu, pihak Kerajaan Malaysia juga akan menimbang untuk membeli meter pengukur untuk kegunaan Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Penerbangan Awam dari Soviet Union.